



ALBUM: Delegasi graduan FPSK bergambar kenangan sempena program berkenaan.

Summer Camp 'One Health' UMS tingkatkan kompetensi bakal graduan FPSK

UB 17.08.2023 P.04

KOTA KINABALU: Pengajianan 1st International Borneo One Health Summer Camp (IB OHSem) oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesehatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mampu meningkatkan tahap kompetensi bakal graduannya.

Program yang disertai 17 peserta termasuk seorang pelajar antarabangsa dari Indonesia itu menekankan konsep One Health dan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman sepanjang seminggu pelaksanaannya.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj.

Mansor, berkata konsep One Health sangat relevan kerana kesihatan manusia juga ber-gantung dengan haiwan dan persekitarannya.

"Kesihatan kita, haiwan dan alam sekitar adalah saling berkait rapat dan komponen ekosistem yang luas dan saling bergantung.

"Melalui pendekatan ini, dapat dilihat kerjasama antara profesional perubatan, doktor haiwan, saintis alam sekitar serta pengubal dasar dapat membawa kepada kejayaan transformatif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis penutupan rasmi program

itu di Galeri Sains, FPSK, di sini.

Beliau turut berharap agar program seumpama itu dapat diteruskan pada masa akan datang melihat kepada manfaat besar yang diperoleh melalui pengjurannya.

Dalam pada itu, Profesor Dr. Mohammad Saffree Jeffree yang menjalankan fungsi Dekan FPSK berkata, delegasi yang menyertai program tersebut berjaya memperoleh ilmu melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Beliau berkata, kekayaan negeri Sabah dengan biodiversiti flora dan fauna yang sangat unik telah membuatkan program IB OHSem

bertambah menarik.

Sepanjang seminggu program tersebut berlangsung, para peserta telah mengikuti aktiviti seperti team building, penilaian risiko di Tuaran dan Tamparuli, lawatan ke Makmal Diagnosa Veterinar di Kepayan, menyusuri pulau Gaya dan penglibatan masyarakat di Kalang, Papar.

Hadir sama Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FPSK, Prof. Madya Dr. Fairul Masnah@ Kadir dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Masyarakat FPSK, Prof. Madya Dr. Sahipudin @ Sahipudin Saupin.